

AKTA SYARIKAT 2016

KELAYAKAN PERMOHONAN SEBAGAI PENYELESAI

- (a) Pemohon hendaklah merupakan warganegara atau pemastautin tetap di Malaysia;
- (b) Pemohon merupakan ahli badan profesional yang ditetapkan di bawah seksyen 433(5) Akta Syarikat 2016 serta mempunyai Sijil Amalan (*Practising Certificate*) yang sah;
- (c) Pemohon bukanlah seorang yang bankrap yang belum dilepaskan sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
- (d) Pemohon hendaklah dalam tempoh lima (5) tahun sebelum permohonan dibuat tidak pernah disabitkan sama ada di dalam atau di luar Malaysia dengan mana-mana kesalahan yang melibatkan *fraud* atau ketidakjujuran yang, jika disabitkan, boleh dihukum dengan hukuman penjara selama tiga (3) bulan atau lebih;
- (e) Pemohon tidak pernah disabitkan dengan kesalahan berkaitan dengan promosi, pembentukan atau pengurusan sesuatu perbadanan;
- (f) Pemohon hendaklah memenuhi keperluan pengalaman kerja seperti berikut :
 - (i) sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja terkumpul secara sepenuh masa dalam amalan insolvensi. Pengalaman yang diperolehi sebelum keahlian dalam badan profesional yang diiktiraf boleh diambil kira;
 - (ii) Pemohon yang mempunyai pengalaman yang relevan tetapi tidak lagi menjalankan praktis dalam insolvensi boleh memohon sekiranya beliau;
 - a. tidak meninggalkan praktis dalam bidang insolvensi dalam tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun dari tarikh permohonan; atau
 - b. Bagi pemohon yang telah meninggalkan bidang insolvensi melebihi tiga (3) tahun, pemohon perlu kembali menjalankan praktis di Malaysia secara sepenuh masa sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebelum mengemukakan permohonan.
 - (iii) Pemohon yang merupakan ahli badan profesional diiktiraf dan mempunyai pengalaman praktikal dalam insolvensi di luar Malaysia juga boleh dipertimbangkan tertakluk kepada syarat beliau mempunyai pengalaman praktikal insolvensi di Malaysia secara sepenuh masa sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebelum mengemukakan permohonan;
- (g) Pemohon hendaklah mengemukakan surat penaja (*sponsor letter*) daripada penyelesaian yang diluluskan yang bertanggungjawab menyelia kerja-kerja pemohon. Penaja hendaklah bukan merupakan pelanggan (*client*) pemohon atau ahli keluarga. Surat penaja hendaklah memberi keterangan berkaitan pengalaman pemohon, keupayaan beliau menjalankan kerja-kerja insolvensi dan peranan beliau dalam kerja-kerja insolvensi yang dinyatakan; dan
- (h) Pemohon hendaklah mempunyai keupayaan (kapasiti) dalam menjalankan tugas sebagai pelikuidasi / penyelesaian syarikat.

(Butiran (a),(b),(c) dan (d) hendaklah dinyatakan dalam akuan berkanun yang ditetapkan).